

# PM bawa misi keamanan sejagat

**S**ELEPAS menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke-60 tahun lalu. Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menyatakan perhimpunan itu hanya membawa khabar kecewa kepada negara membangun kerana harapan mereka tidak dipenuhi.

Pelbagai kekurangan dari segi harapan mengunung yang dibawa negara membangun khususnya berhubung peranan badan dunia itu untuk menyelesaikan pelbagai masalah dunia dan suara negara kecil serta pembaharuannya sendiri tidak diperhalusi, malah badan itu terus menjadi suara untuk sekumpulan kecil negara berkuasa khususnya anggota tetap Majlis Keselamatan.

Walaupun, tidak lagi mengetuai Asean atau Pergerakan Negara Berkecuali (NAM). Abdullah sekali lagi ke New York, membawa harapan negara miskin dan membangun, serta suara 57 negara Islam yang bernaung di bawah Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang dipengerusikan Malaysia.

Agenda Utama negara anggota OIC dan Abdullah sudah tentu perkembangan politik Asia Barat, khususnya keselamatan dan penderitaan yang dialami rakyat Lubnan akibat serangan Israel baru-baru ini dan bencana kemanusiaan yang melanda Palestin berikutan tindakan negara penderma mengenakan sekatan berikutan kemenangan Hamas pada pilihan raya negara itu.

Abdullah yang akan mengadakan pertemuan empat mata dengan Presiden Amerika Syarikat, George W Bush, hari ini dan

Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan, Rabu ini, sudah tentu mahu memastikan amanat dan tanggungjawab yang diserahkan kepada beliau oleh sepertiga penduduk dunia berhubung penindasan terhadap umat Islam, khususnya oleh kuasa besar atas alasan memerangi keganasan serta peperangan yang dilancarkan Israel terhadap rakyat Lubnan dan Palestin, diperdengarkan kepada dua pemimpin dunia itu,

Umat Islam meletakkan harapan Perdana Menteri sebagai pemimpin Islam yang liberal boleh mempengaruhi Bush dan dasar luar negara Amerika khususnya yang berkaitan negara Islam dan umatnya.

Perdana Menteri antara enam ketua negara dipersetujui Bush untuk bertemu ketika Perhimpunan Agung PBB ini, atas kedudukan Abdullah sebagai Pengerusi OIC yang membawa amanat dunia Islam.

Seperti juga tahun sebelumnya sejak peristiwa serangan pengganas di New York pada 11 September 2001, perhimpunan kali ini dijangka terus dikuasai isu keganasan khususnya selepas kejayaan pihak berkuasa Britain mematahkan cubaan terbaru pengganas untuk menggunakan bom kimia meletupkan pesawat dari London ke Amerika.

Malaysia juga dijangka akan terus melobi kepada Annan dan Bush untuk memastikan beberapa negara OIC, khususnya Malaysia dan Indonesia, dibenarkan menyertai misi pengaman di Selatan Lubnan. Annan dijangka memberi kata putus sama ada Malaysia boleh menyertai misi dalam pertemuan dengan Abdullah.

Selain itu, Abdullah dalam ucapannya pada perhimpunan berkenaan juga dijangka mengutuk tindakan ketenteraan Israel di Lubnan dan Palestin, di samping meminta semua negara dunia mengambil bahagian dalam usaha pemulihan Lubnan dan membantu ribuan rakyatnya yang kehilangan tempat tinggal berikutan tindakan ketenteraan rejim Zionis, pertengahan tahun ini.

Malaysia Juga mahu Amerika dan kuasa besar lain serta-merta mengiktiraf kerajaan perpaduan Palestin yang disertai puak Fatah dan Hamas berikutan persetujuan pemimpin Fatah, Presiden Mahmoud Abbas dan Perdana Menteri, Ismail Haniyeh.

Malaysia juga mahu sekatan terhadap Palestin dihentikan serta-merta dan bekalan makanan dan bantuan kewangan dihantar segera bagi memulihkan negara itu yang kini bergantung kepada derma beberapa negara bersimpati dengannya.

Abdullah yang dijadualkan turut mengadakan pertemuan dengan Ketua Pengarah Pertubuhan Makanan dan Pertanian PBB, Jacques Diouf, juga dijangka meminta bekalan makanan segera dihantar kepada rakyat Palestin, selain mengatasi masalah kebuluran di benua Afrika.

Perdana Menteri bimbang jika masalah Palestin dan Lubnan tidak diselesaikan segera, ia akan menjadi punca kepada kebencian umat Islam terhadap negara kuasa besar dan menyuntik semangat di kalangan ummah untuk melakukan keganasan bagi mendapat pembelaan dan keadilan.

Malaysia sejak kepemimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad sudah memberitahu dunia bahawa masalah keganasan hanya boleh diatasi dengan mengenal pasti puncanya dan dalam hal ini ialah tindakan kuasa besar menutup mata terhadap soal penguasaan sebuah negara Palestin yang merdeka.

Dalam perhimpunan ke-61 ini, kebanyakan negara ahli dijangka terus menekankan peranan PBB diperbesar supaya memayungi negara anggota daripada ditindas mana-mana kuasa besar menerusi tindakan unilateral, seolah-olah PBB hanya menjadi boneka kepada kuasa besar khususnya anggota Majlis Keselamatan.

Ia peluang terakhir bagi Annan yang akan melepaskan jawatannya tahun ini melakukan sesuatu untuk memulihkan imej PBB tidak hanya setakat pandai membuat

pelbagai resolusi yang tidak dapat dilaksanakan atau tidak dihormati.

Usaha pemulihan dan pembaharuan PBB dengan menekankan multilateralisme perlu dilakukan secara berani dan perhimpunan kali ini dilihat yang terbaik untuk berbuat demikian kerana sokongan pertumbuhan seperti OIC dan NAM yang mewakili sebahagian besar penduduk dunia.

Seperti kata Perdana Menteri ketika menghadiri perhimpunan tahun lalu, mesti ada kehendak yang kuat supaya Perhimpunan Agung PBB diberi kuasa lebih untuk berperanan lebih besar berbanding hanya untuk Majlis Keselamatan.

Perdana Menteri bertekad mahu terus memperjuangkan agenda itu supaya PBB dilihat menjadi pelindung kepada setiap penduduk dunia dan bukan setakat menegahkan apa yang dihajati beberapa anggota kuatnya.

Di sinilah peranan China yang dilihat sebagai mewakili negara dunia ketiga dalam Majlis Keselamatan sangat penting. Atas kesedaran itulah Malaysia melobi kepada China ketika Perdana Menteri mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya, Wen Jiabao di Finland, baru-baru ini, agar China menjadi suara majlis itu.

Perhimpunan kali ini juga dijangka membincangkan konflik nuklear Iran yang didakwa Amerika cuba membina senjata petrusnali besar-besaran, walaupun Iran menafikannya. Malaysia sejak dulu berpendirian isu itu boleh diselesaikan di meja rundingan dan menolak sebarang tindakan unilateral oleh Amerika Syarikat.

Sama ada perhimpunan kali ini berjaya atau tidak banyak bergantung kepada keupayaan ahli berpakat dengan satu hati dan satu matlamat dalam membawa isu bersama untuk menjadikan dunia ini satu tempat yang selamat. Jika dibenarkan, negara kuasa besar akan menguasainya dengan isu Iran, Korea Utara dan pengganas, sehingga soal pembaharuan badan dunia dilupakan.